



**MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN  
ANTARA  
RISDA & CELCOM AXIATA**

**UCAPAN**

**YANG BERHORMAT DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB  
MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH**

11 OGOS 2016  
10.00 PAGI  
RESTORAN TERAPUNG,  
TITIWANGSA, K. L.

**YBrs. Pengacara Majlis,**

**YB DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI**

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

**YB DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB**

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah

**YBHG. DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN**

Ketua Setiausaha KKLW

**Y.BHG. DATO' SRI SHAZALLI RAMLY,**

Chief Executive Officer of Celcom Axiata Berhad

**Y.B. DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN**

Pengerusi RISDA

**Y. BHG. TIMBALAN – TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA KKLW**

**YBHG. TUAN HJ. MOHD NAJIB BIN A. SAMAD**

Ketua Pengarah RISDA

**Ahli - Ahli Pihak Berkuasa RISDA**

**Pengerusi - Pengerusi Syarikat Milikan RISDA**

**Ketua – Ketua Agensi KKLW**

**Pengarah dan CEO Syarikat Milikan RISDA**

**Rakan – Rakan Media**

**Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian..**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

**Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa**

1. Alhamdulillah saya memanjatkan rasa kesyukuran ke Hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmatNya dapat kita berkumpul bersama di dalam majlis yang amat bermakna ini bagi menyempurnakan Majlis Menandatangani MOU Antara RISDA dan Celcom Axiata. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak RISDA dan Celcom kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua kata dan seterusnya menyaksikan Majlis Menandatangani MOU ini.

**Dato'- Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.**

2. Selaras dengan dasar kerajaan memberi penekanan kepada sektor pertanian dan pembangunan masyarakat luar bandar, Kerajaan melihat bahawa masyarakat pekebun kecil perlu dibangunkan secara holistik dari aspek pembangunan tanah dan manusia supaya produktiviti dan pendapatan masyarakat luar Bandar terus meningkat. Sehubungan itu, RISDA di bawah seliaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah bertanggungjawab memastikan nasib pekebun kecil dan ahli keluarga terbela dengan pelbagai pendekatan pembangunan perladangan, ekonomi dan keusahawanan agar pekebun kecil terus berdaya saing seiring kepesatan pembangunan Negara.

3. Oleh itu, saya ingin merakamkan ucapan setinggi tahniah dan penghargaan kepada Pengurusan RISDA dan Celcom Axiata yang telah berjaya meneroka satu lagi kejayaan selaras dengan saranan YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak yang menyeru supaya kita perlu menjadi lebih kreatif dan inovatif dalam sistem penyampaian kepada rakyat. YAB Perdana Menteri telah menekankan supaya perkhidmatan awam menerapkan Strategi Lautan Biru atau Blue Ocean Strategy iaitu, 'Kurangkan, Hapuskan, Wujudkan dan Menambah Peluang' ketika melaksanakan tugas supaya pencapaian dan keberhasilan sesuatu bidang akan terus meningkat. Kita perlu mencari rumusan kreatif dan tidak lagi berfikir secara konvensional bagi menyelesaikan sesuatu masalah.

Justeru itu, majlis yang membabitkan kerjasama strategik di antara RISDA dengan Celcom Axiata ini adalah satu contoh terbaik dalam melaksanakan Strategi Lautan Biru ini. Kerjasama strategik ini merupakan satu titik tolak kepada *mindset breakthrough* dalam usaha menyampaikan perkhidmatan yang tidak hanya tertumpu kepada aspek pembangunan komoditi sahaja. Ia juga membuktikan kejayaan kedua-dua pihak untuk keluar daripada budaya “silo” ke arah transformasi menyeluruh dalam menangani isu-isu pembangunan masyarakat terutamanya di kawasan luar bandar.

**Dato'- Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.**

4. Pembangunan prasarana luar bandar bukan sahaja terletak pada kemudahan jalan raya, elektrik dan bekalan air tetapi juga jaringan komunikasi yang tanpa batas dan tanpa gangguan juga merupakan prasarana asas yang wajib dimiliki oleh semua lapisan masyarakat. Pelbagai maklumat dan informasi melalui media sosial seperti facebook, you tube, twitter, instagram sangat mudah diperolehi dan begitu pantas disebarkan berbanding media konvensional. Masyarakat luar bandar kini lebih bijak menggunakan aplikasi media sosial untuk berhubung dengan agensi dan kementerian berkenaan isu – isu yang melibatkan bantuan dan subsidi kerana saluran ini lebih cepat diambil tindakan. Oleh itu, dengan pakej - pakej perkhidmatan yang diwujudkan oleh pihak Celcom ini ia bukan sahaja memberikan kemudahan perhubungan telekomunikasi malah saya yakin masyarakat luar bandar boleh menarik nafas lega dalam usaha kerajaan untuk mengurangkan kos sara hidup. Saya turut difahamkan melalui MoU ini secara tidak langsung turut dapat meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar kerana Simpack Celcom bakal dijual di 250 premis perniagaan di bawah seliaan RISDA.

5. Saya menaruh sepenuh keyakinan, dengan kepimpinan YB Datuk Zahidi Zainul Abidin, Pengerusi dan seluruh kumpulan pengurusan RISDA, mereka pastinya selepas ini bakal mencetuskan pelbagai lagi idea dan memainkan peranan secara aktif serta bertanggungjawab dalam membantu meningkatkan taraf hidup rakyat luar bandar. Apa yang perlu dilakukan ialah

kita perlu mengubah minda dan sikap untuk lebih berani menceburi bidang baru yang boleh memberi pulangan menguntungkan kepada penduduk luar bandar. Saya juga merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Dato' Sri Shazaly Ramly, CEO Celcom Axiata Berhad yang sedia bekerjasama dengan tawaran pakej – pakej perkhidmatan telekomunikasi yang sangat bermanfaat. Adalah diharapkan dengan usaha-usaha kedua pihak ini, masyarakat luar bandar akan bertambah maju dan berdaya saing serta berjaya meningkatkan taraf ekonomi masing - masing. Saya akan sentiasa menyambut baik usaha – usaha agensi untuk memartabatkan kesejahteraan masyarakat luar Bandar.

6. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi Tahniah ke atas usaha yang amat murni ini dan moga-moga diberkati dan dirahmati Allah S.W.T. Semoga Majlis kita pada hari ini menjadi titik permulaan dan terus mengorak langkah dalam usaha untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat luar bandar di negara ini.

**Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah,  
wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh**